

78666



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN NUR IZAWATY BINTI MUSTAFA  
MAJLIS DAERAH MACHANG, KELANTAN**

**OLEH**

**MAIZATUL NORATISA BINTI MAT NASIR                   (2017275868)  
MUHAMAD ALIF ZHAFRI BIN MD AZMAN               (2017275896)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARI 2019)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN NUR IZAWATY BINTI MUSTAFA  
MAJLIS DAERAH MACHANG, KELANTAN  
2010 - 2018

OLEH:

MAIZATUL NORATISA BINTI MAT NASIR (2017275868)  
MUHAMAD ALIF ZHAFRI BIN MD AZMAN (2017275896)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARI 2019)

# PENGHARGAAN

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Abstrak	ii
bioadata tokoh	iii
Pengenalan	iiii
Transkrip	1
Bahagian 1: latar belakang tokoh	2-3
Bahagian 2: latar belakang pendidikan	4-10
Bahagian 3: sejarah bangunan	11-21
Bahagian 4: reka bentuk bangunan	21-27
Bahagian 5: aktiviti kemasyarakatan	27-33
Bahagian 6: harapan dan pendapat	33-37
Lampiran	38
Log wawancara	39-42
Diari kajian	43-44
Senarai soalan	45
Surat perjanjian	46
Gambar	47-48
Indeks	49-50

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Alhamdulillah. Pada mulanya kami ingin panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami telah dapat menyiapkan kerja kursus Sejarah Lisan dengan jayanya. Di kesempatan ini juga kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih buat pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah yang mengajar subjek IMR 604- Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan] kerana memberikan pembelajaran yang baru kepada kami dalam menyiapkan tugas yang menarik ini. Beliau telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami bagi memudahkan kami bagi memudahkan kami mengetahui lebih lanjut tentang proses sejarah lisan ini dilakukan. Puan Nurulannisa binti Abdullah telah memberi garis panduan yang lengkap kepada kami

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang amat kami kagumi iaitu Puan Nur Izawaty binti Mustafa merangkap jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa di Majlis Daerah Machang. Kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang proses penyediaan kerja kursus ini amatlah bermakna bagi kami. Kami bersyukur dipertemukan dan dapat menjalankan tugas ini dengan orang sebaik beliau.

Kami juga ingin ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami kerana sudi membantu dan berkongsi ilmu. Akhir sekali, ucapan terima kasih turut diucapkan kepada ibu bapa kami yang sentiasa mendoakan kejayaan kami. Tanpa bantuan semua pihak yang disebutkan, mungkin kami akan menghadapi banyak kesukaran dalam menyiapkan tugas ini. Bidang ini memberi banyak pengetahuan dalam penyelidikan mengenai dokumentasi lisan. Kami benar-benar bersyukur kerana boleh menggunakan pengetahuan ini pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

Abstrak : temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar. Temubual ini dilakukan bersama pegawai perancang bandar dan desa iaitu puan izawaty binti Mustafa untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai kakitangan yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan tugasnya. Temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau di majlis daerah machang Kelantan. Tarikh tmubual tersebut pada 21 november 2018 bermula pada jam 4.30 petang hingga 5.45 petang . puan izawaty binti Mustafa merupakan salah seorang kakitngan majlis daerah machang yang mula berkhidmat pada tahun 2010. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat di perancang bandar swasta di shah alam. Setelah itu beliau dapat panggilan untuk berkhidmat dengan majlis daerah machang. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh puan izawaty binti Mustafa sebelum berkhidmat dengan majlis daerah machang Kelantan ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata Kunci: *Tokoh, Majlis Daerah Machang, Puan Nur Izawaty binti Mustafa, sejarah bangunan,*



# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

### **LATAR BELAKANG PERIBADI**

#### **BIODATA TOKOH**



**Rajah 1: puan izawaty binti Mustafa**

**NAMA: PUAN IZAWATY BINTI MUSTAFA**

**JAWATAN: PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MAJLIS  
DAERAH MACHANG**

**TARIKH PERKHIDMATAN: 1 OGOS 2010- SEKARANG**

**TARIKH LAHIR: 14 MEI 1986**

**UMUR: 32 TAHUN**

**ASAL: PENGKALAN CHEPA**

**HOBİ: MEMASAK**

## **KELULUSAN AKADEMIK**

2.1 Sekolah rendah di sekolah rendah dato' hashim 2

2.2 Sekolah menengah di sekolah menengah pengkalan chepa kelantan

2.3 Diploma di diploma perancangan bandar dan wilayah di UiTM (Universiti Teknologi Mara) shah alam

2.4 Ijazah perancangan bandar dan wilayah di UiTM (Universiti Teknologi Mara) shah alam.

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**



## **MENGENAI MAJLIS DAERAH MACHANG**

### **Visi**

Menjadikan Bandar Machang sebagai Bandar Sejahtera

### **Misi**

Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk terutamanya dari segi kesihatan dan selesaan hidup.

### **Objektif**

1. Untuk merancang, menyelaraskan dan melaksanakan penempatan manusia yang lebih sempurna dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur, perkhidmatan social dan peluang-peluang ekonomi yang mencukupi. Antara objektif untuk mencapai matlamat di atas.
2. Untuk menepati dasar Kerajaan Tempatan yang memerlukan bahawa kelakanya setiap inci tanah di Semenanjung Malaysia ini diletakkan di bawah pentadbiran yang

3. cekap.
4. Untuk meningkatkan taraf organisasi penguasa-penguasa tempatan yang ada sekarang ke taraf yang lebih baik.
5. Meningkatkan mutu kerajaan tempatan kepada orang ramai dalam ertikata yang lebih memuaskan dan lebih meluas.
6. Menambah keupayaan dan membolehkan penguasa-penguasa tempatan membuat, mengatur, menyusun dan melaksanakan perancangan-perancangan yang sesuai mengikut keperluan dan desaka kehendak semasa.

### **Fungsi Bahagian Dalam Majlis Daerah Machang**

#### **1. Jabatan Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia**

Bertanggungjawab dalam semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, melibatkan surat menyurat, system fail, rekod perkhidmatan kakitangan, urusan rasmi kerajaan, pemiliha peserta kursus dan sebagainya.

#### **2. Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Awam**

Bertanggungjawab ke atas semua urusan pembangunan, perancangan pembangunan, kebersihan dan keindahan bandar, perkhidmatan mengangkat sampah dan juga terlibat dalam mengendalikan semua jenis permohonan yang dikenakan di kawasan Majlis.

#### **3. Jabatan Perbendaharaan/ Hasil**

Bertanggungjawab ke atas semua urusan yang berkaitan dengan kewangan dan juga hasil. Ini melibatkan penyediaan buku anggaran belanjawan tahunan, sewaan peralatan, loji dan jentera Majlis, sewa

kedai, perbelanjaan gaji, pembelian peralatan pejabat, harta modal dan sebagainya yang merangkumi semua pendapatan dan perbelanjaan.

4. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Bertanggungjawab mengurus semua yang berkaitan hal-hal pembayaran cukai, menjalankan kerja-kerja penilaian semula bagi pegangan-pegangan apabila diperlukan, mengurus harta tidak alih dan penyewaan bangunan serta menjalankan urusan sewa termasuk menetapkan kadar sewaan dan menuntut sewa yang tidak dijelaskan.

5. Jabatan Pusat Sehenti

Bertanggungjawab mengurus dan mengelolakan semua jenis permohonan cadangan emajuan seperti Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Permohonan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landskap

6. Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam kawalan pembangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis dan urusan pembinaan bangunan baru yang memerlukan kelulusan dari pihak Majlis.

7. Jabatan Perancangan dan Pembangunan

Bahagian ini turut bertanggungjawab membuat perancangan dan kawalan pembangunan di dalam kawasan pentadbiran majlis. Selain itu unit turut memainkan peranan meysun atur landskap di dalam kawasan.

## 8. Jabatan Perundangan

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap semua penguatkuasa undang-undang yang dijalankan oleh semua bahagian di bawah pentadbiran.

## **SEJARAH MAJLIS DAERAH MACHANG**

Majlis Daerah Machang adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1979 dibawah akta Kerajaan Tempatan 1979 dibawah aktra Kerajaan Tempatan 1976 (akta 171). Ia adalah hasil gabungan tiga Majlis Tempatan iaitu Lembaga Bandaran Machang, Majlis Tempatan Temangan dan Majlis Tempatan Pulau Chondong.

Majlis Daerah Machang mejalankan fungsi pentadbiran sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bertanggungjawab dalam aspek pembangunan penduduk seperti ekonomi, politik dan sosial tempatan.



# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang senibina dan arkitek. Bersama-sama kami ialah Puan Nur Izawaty binti Mustafa yang merupakan seorang Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa di Majlis Daerah Machang, Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 November 2018 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 3 petang bertempat di Bilik Pegawai Perancang Bandar dan Desa. Temubual ini dikendalikan oleh Muhamad Alif Zhafri bin Md Azman dan juga Maizatul Noratisa binti Mat Nasir. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**Petunjuk:**

**PNM: Puan Nur Izawaty binti Mustafa**

**MNMN: Maizatul Noratisa binti Mat Nasir**

**MAZ: Muhamad Alif Zhafri bin Md Azman**

### **BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG**

**MAZ : Apakah nama penuh puan?**

**PNM : Nama saya nur izawaty binti Mustafa.**

**MAZ : Berapakah umur puan?**

**PNM : *tiga puluh dua* (32)**

**MAZ : Bilakah puan dilahirkan?**

PNM :14(empat belas) mei 1986.

**MAZ : Dimanakah puan dilahirkan?**

PNM: Di hospital kubang kerian.

**MAZ : Dimanakah puan menuntut ilmu mengikut kronologi?**

PNM : Okay. Sekolah rendah di sekolah rendah dato' hashim *dua* (2) pengkalan chepa, sekolah menengah di sekolah pengkalan chepa kelantan diploma di diploma perancangan bandar dan wilayah di *UiTM* (Universiti Teknologi Mara) shah alam dan ijazah perancangan bandar dan wilayah di *UiTM* (Universiti Teknologi Mara) shah alam.

**MAZ : Apakah pekerjaan awal puan setelah tamat pegajian?**

PNM : Pekerjaan awal saya setelah tamat pengajian sebagai perancang bandar di ape ni (loghat Kelantan) di perancang bandar swasta di shah alam.

**MAZ : Apakah sumbangan puan di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?**

PNM: Tak ade biasa je cuma saya lebih kepada perancangan bandar iaitu pembuat permohonan-permohonan bandar baru di kawasan klang dan juga Selangor.

**MAZ : Dimanakah puan tinggal sekarang?**

PNM : Sekarang tinggal di machang.

## **BAHAGIAN B: KERJAYA SEKARANG**

**MAZ : Apakah jawatan puan di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Jawatan saya sebagai pegawai perancang bandar dan desa.

**MAZ : Bilakah puan mula berkhidmat di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Saya mula berkhidmat *satu* (1) Ogos 2010.

**MAZ : Berapakah jarak perjalanan puan dari rumah ke tempat kerja (Majlis Daerah Machang)?**

PNM : Okay. *Dua* (2) kilometer.

**MAZ : Mengapakah puan berminat untuk berkhidmat di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Haaa sebab machang ni dia terletak di tengah-tengah antara jajahan negeri Kelantan jadi dia merupakan perhubung utama untuk ke setiap daerah lah so [jadi] dia tumpu untuk pembangunan untuk dibangunkan di Kelantan.

**MAZ : Apakah perasaan puan apabila ditawarkan untuk berkhidmat di Majlis Daerah Machang?**

PNM : *Of course* [sudah tentu] *happy* [gembira].

**MAZ : Apakah peranan atau tugas-tugas puan di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Peranan saya lebih kepada pembangunan lah. Maksudnya, dari segi permohonan pecahan lot, permohonan pembangunan bangunan rumah, sebuah perniagaan semualah semua jenis pembangunan di machang.

**MAZ : Apakah jawatan ini merupakan satu tanggungjawab yang berat bagi puan?**

PNM : *Suppose to be* [sepatunya] dia merupakan tanggungjawab yang besar dan sangat berat untuk membuat keputusan sebab ia melibatkan kesan kepada alam sekitar.

**MAZ : Apakah kemahiran istimewa yang perlu ada dalam diri kakitangan untuk berkhidmat dengan Majlis Daerah Machang?**

PNM : Dia *depend* [terpulang] kepada setiap unit yang ada dekat machang lah dekat majlis daerah ni macam saya sendiri lebih kepada unit teknikal. Unit teknikal ni lebih kepada kemahiran untuk mengenalpasti *structure* [struktur] bangunan struktur-struktur dekat dalam tanah untuk pembangunan akan datang. Lepas tu, kemahiran lain macam inspector

kesihatan dari segi kesihatan lah dari segi air buang, dari segi kebersihan kawasan. Lebih kurang macam tu lah.

**MAZ : Apakah tugas yang paling mencabar sepanjang puan bertugas di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Biasanya dia memang tugas ni memang hari-hari mencabar tiada yang tak mencabar tapi yang paling mencabar bila kita berurusan dengan orang luar lah contohnya bangunan yang didirikan tiada kebenaran merancang dan kita terpaksa buat penguatkuasaan untuk meroboh, untuk menyita yang tu memang mencabar untuk kita berdepan dengan orang ramai

**MAZ : Apakah cabaran utama puan semasa ingin melancarkan projek yang dilaksanakan?**

PNM : Cabaran utama adalah bergaduh dengan orang awam maksudnya orang awam tidak bagi kita buat robohan tapi benda tu dapat diketel [diselesaikan] kita ada perbincangan kan sesi demi sesi untuk kepentingan bersama.

**MAZ : Bagaimanakah puan mengatasi masalah tersebut?**

PNM : Macam saya cakap tadi, dia perlu kepada perbincangan dan juga penerangan berkenaan akta-akta yang terlibat jika kita salah guna akta tu dan juga kita tak menguatkuasakan akta tersebut kepada orang awam lah.

**MAZ : Bagaimanakah puan melaksanakan tugas-tugasan yang diberikan?**

PNM : Melaksanakan tugas itu, saya akan buat melalui *SOP* [standard operation procedure] dan sebagaimana *skop* [ruang] tugas yang diberilah, *SOP* [standard operation procedure]

**MAZ : Apakah sumbangan puan sepanjang memegang jawatan sebagai Pembantu Tadbir di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Sumbangan? *Hahah* (ketawa). Okay, sumbangan saya, tak delah, sebab sebenarnya itu membantu, kita Berjaya untuk mewartakan Kawasan machang ini, sebagai Kawasan pentadbiran daerah machang, (bunyi burung). *So*, [jadi] masa tu kita punya kawasan pentadbiran bertambah dan juga Kawasan liputan untuk kita punya kawalan pembangunan pun bertambah. *So*, [jadi] itulah yang memberikan peluang untuk majukan (bunyi motor) seboleh mana.

**MAZ : Apakah pembaharuan yang puan laksanakan sepanjang Tuan berkhidmat di Majlis Daerah Machang?**

PNM : Setakat ini, erm, saya hanya dari segi unit saya sahajalah, Cuma pembaharuan ni takde pun, Cuma buat dalam system kita sahaja lah. Sistem untuk melancarkan pentadbiran dari segi unit saya sahaja saya buat. alif zhafri bertanya “boleh bagi tahu apa nama system?”. (bunyi helaian kertas) puan izawaty menjawab system ini *maps info* [peta maklumat] kita pakai ni tapi dari segi untuk *checking* [memeriksa] permohonan, untuk *update* [kemaskini] permohonan semua lah. Tapi, sistem ni kita pakai pun kita selalu guna pakai benda ni untuk *update* [kemaskini] permohonan yang masuk lah. So [jadi], *at least* [sekurangnya] permohonan akan *date* [datang] mari tu boleh *refer* [rujuk] kepada ni untuk buat (kurang jelas perkataan yang disebut). (bunyi nafas mengeluh).

**MAZ : Apakah kesemua khidmat yang puan laksanakan mendapat perhatian umum dan memberi kesan kepada Majlis Daerah Machang?**

PNM : Ehem-ehem, khidmat? Hurm, khidmat ni, saya *more* [lebih] kepada perancangan sebenarnya. Saya tak terlalu tumpu kepada *underground* [bawah tanah], kalau *underground* [bawah tanah] tu lebih kepada kesihatan dan persegaran. Kalua, saya ni, saya lebih kepada pembangunan sahaja. Kalua pembangunan ni erm dia tidak mendapat perhatian, cuma mendapat manfaat kepada orang tu haa. So [jadi], bila lita memudahkan permohonan dan bila kita menerapkan semua (bunyi motor) dan garis panduan untuk diguna pakai oleh orang lain. Haa itu mendapat perhatian daripada *orang rama* [ramai] (“masih lagi bunyi motor”). alif zhafri bertanya, “boleh *dok* [tidak] puan izawaty *oyak* [cakap] salah satu erm *apeni* [apa] kesan (bunyi suara lelaki menyapa) “oi”. Yang macam puan izzawaty *mention* [cakap] tadi, puan izzawaty bertanya “manfaat”? lalu dia



menjawab okay, contoh dalam satu Kawasan tu, pembangunan rumah tu. Kita mohon untuk Kawasan lapang, maksudnya taman mainan. Okay, bila pembangunan nak buat, kita *mitok* [minta] kontraktor tu untuk meluluskan permohonan tu. *That means* [bermaksud] boleh digunakan oleh semua *oghe* [orang] situ. Okay, contoh satu lagi kita buat permohonan perumahan minta untuk bangunkan surau untuk kegunaan orang ramai, satu lagi bila dia buat permohonan, kita minta dia sediakan satu sistem aliran *proper* [susunan]. *So* [jadi], *that mean* [bermaksud] *oghe* [orang] sebelah *tok keno* [tidak kena] *effect* [kesan] kalua air naik *ko* [ke] *gapo* [apa] *ko* [ke], suruh *jago* [jaga] kita *protect* [lindung] lot jiran tersebut.

**MAZ : Apakah kesan daripada tindakan puan itu terhadap Majlis Daerah Machang pada masa kini?**

PNM : *Hok* [bahagian] *loni* [sekarang] *tok* [tidak] *kese* [kesan]. *At least* [sekurangnya], *anything happen* [berlaku apa-apa] *to* [kepada] *the community* [pihak komuniti] itu hanya keperluan penduduk. *At least* [sekurangnya], lepas ini kita buat pembangunan (bunyi motor) tidak menyusahkan penduduk malah membantu penduduk disini. alif zhafri bertanya “boleh *dok* [tidak] puan izzawaty *oyak* [beritahu] salah satu *err apeni* [apa] *mace* [macam] pembangunan tadi kan tolong, contohnya *mace* [macam] *nok* [nak] buat *perumahe* [perumahan] tu nak buat *err masjid* kan contoh kan *ko* [atau] *bendo* [benda] tu betul-betul buat *ko* [ke]?”. Puan izzawaty menjawab okay, contohnya awak tengok BPR yang tengah buat? tepi simpang nak masuk *mache* [machang]? Alif zahafri menjawab ohh ada-ada. Puan izzawaty beritahu okay, dalam BPR tu kita syartkan untuk letak surat,

kemudahan OKU untuk *oghe* [orang] buta “bunyi motor”, menetapkan syarat untuk menetapkan Kawasan lapang, taman mainan, lepas siap awak *buleh* [boleh] tengok *bendo* [benda] tu. Alif zhafri berkata “maknanyo [maknanya] buat *gapo* [apa]? Puan izzawaty jawab tu projek perumahan rakyat. Alif zhafri bertanya “oh simpang nak masuk machang, jale (jalan) kuala ~~l~~rai.

**MAZ : Apakah terdapat sebarang projek yang puan jalankan di sepanjang tempoh tersebut?**

**PNM :** Projek gano (macam mana) eh? Takdelah, Cuma kita majlis *sediri* [sendiri] ada projek usahasama dengan pihak swasta. Cuma, kita baru tandatangan satu perjanjian untuk projek bandar baru. *So* [jadi], untuk *maso* [masa] *loni* [sekarang] *tok* [tidak] *napok* [Nampak] lagi lah. Dalam masa *lima* [5] tahun siaplah. Alif zhafri bertanya “bandar baru *mache* [machang] *ko* [ke]? Puan izzawaty jawab “ya, insha allah dalam masa *lima* [5] lah hmm *suko* [suka] katanya puan izzawaty kepada kami. hahaha (gelak)

## **BAHAGIAN C: SEJARAH BANGUNAN**

**MAZ : Bilakah tarikh Majlis Daerah Machang ini ditubuhkan?**

PNM : Ermm.sejarah eh erm, dia ditubuhkan pada *satu* [1] januari pada tahun 1979 hasil gabungan tiga majlis tempatan iaitu Lembaga pempandaran machang, majlis temangan dan majlis tempatan pulau condong. Dia gabung tiga tu, pada masa *dulu* [dahulu] tu ada *tiga* [3] majlis, ada bahagian pulau condong, bahagian temangan, ada bahagian bandar machang. *So* [jadi] pada tahun 1979 tu, digabungkan kepada *satu* [1] majlis daerah, *diaorang* [mereka] betulkan akta 171.

**MAZ : Bilakah tahun penubuhan asal bangunan Majlis daerah machang?**

PNM : Okay. Bangunan ini asalnya bukan bangunan majlis daerah machang sebenarnya, kita hanya duduk sementara. Bangunan ini asalnya dimiliki oleh pejabat tanah jajahan machang. Jadi, untuk tahun bangunan ini ditubuhkan bila bangunan tu saya rasa *refer* [rujuk] kepada pejabat tanah la, sebabnya bangunan dia dulu. *So* [jadi], mungkin kena cari *orang lama* [orang lebih tahu] dekat pejabat tanah tu untuk beritahu pasal bangunan ni laa.

**MAZ : Sudah berapa lama bangunan ini ditubuhkan?**

PNM : Ya, sama macam tadi juga, saya memang tidak tahu bila ditubuhkan sebab saya dah tahu-tahu dah [sudah] siap macam ni sudah, haha (ketawa) tak silap saya tahun *dalam* [pada]) tahun *enam puluh* [60] atau *tujuh puluh* [70] macam tulah.

**MAZ : Siapakah penaung atau pengasas Majlis Daerah Machang?**

PNM : Okay, emm. Kita *takde* [tiada] penaung, *takde* [tiada] pengasas. Dia dalam majlis daerah ni dia ada carta organisasi yang dipertua. Emm, setiausaha dan ketua jabatan (bunyi motor). Okay, Cuma yang penaung atau pengasas kita panggil yang dipertualah. Yang dipertua kita sekarang ni encik ibrahim bakri, dialah sekarang YDP (yang dipertua) kita yang baru, yang baru masuk *satu* [1] November 2018. Sebab dia bertukar-tukar, YDP (yang dipertua) ini erm dia adalah pentadbir negeri yang dilantik oleh SUK sendirilah

**MAZ : Apakah misi Majlis Daerah Machang?**

PNM : Misi, okay. Misi macam biasalah memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk terutamanya dari segi tempatan dan kesejahteraan hidup. Maksudnya, kita ni, ermm. Majlis macam biasalah majlis daerah ni dia servis kepada penduduk. “Aaa”, dari segi kesihatan ni contohnya, kita erm *provide* [menyediakan] bandar yang sejahtera, macam sampah semuakan. Lepastu, kesejahteraan hidup ni dari segi kehijauan lanskap semua tulah dan juga erm benda-benda lainlah, termasuknya dari segi kemudahan *infrastruktur utility* [kemudahan infrastruktur], longkang, jalan termasuk sekalilah.

**MAZ : Apakah visi Majlis Daerah Machang?**

PNM : Visi. Menjadikan bandar machang sebagai bandar sejahtera, itulah visi kita. Visi tu erm biasalah kita dalam masa ke semasa ni kita cuba untuk kearah visi kita. Kita *tokleh* [tidak boleh] pandang macam awak sendiri belajar sini kan, mana sejahtera machang ni, okay kita bandar sejahtera ni bukan diukur dari segi apa yang kita nampak tau, bandar sejahtera ni diukur dari segi jumlah penduduk aaa dengan dia punya berapa penduduk yang bekerja, berapa penduduk yang tidak bekerja, berapa ekonomi utama. Lepastu, diakan ada nisbah jenayah, berapa daripada penduduk, haa tahap *capacity* [muatan] air berapa, jumlah tenaga berapa. *So* [jadi], aa kalau - - (perkataan tidak jelas) mereka cakap bandar machang sejahtera ke? Tapi kita cuba dari segi kearah tu semualah *infrastruktur utility* [kemudahan infrastruktur] kemudahan awam, haa tu baru lah sejahtera.

**MAZ : adakah majlis daerah machang mempunyai misi dan visi yang sama sejak pengubahsuaian bangunan?**

PNM : Aaaa. Kita, misi dan visi ni dibuat sebagaimana majlis itu ditubuhkan. Maksudnya, kita sama kearah tu. Tapi, kita nak *relate* [kaitkan] dengan bangunan tu *xleh la* [tidak boleh] sebab kita pindah ke bangunan lama sebab bangunan asal kita dekat econjaya tu. Aaa, tapi aaa apeni kita *tokleh* [tidak boleh] nak kaitkan dengan bangunan tapi kita kaitkan misi dan visi ini dengan adanya daerah machang, aa itulah kita punya visi misi.

**MAZ : Apakah objektif utama Majlis Daerah Machang?**

PNM : Objektif utama. Objektif utama, banyak ni ada *lima* [5] cey yang pertama untuk menepati dasar kerajaan tempatan yang memerlukan bahawa kelak nya setiap yang kita ada di semenanjung Malaysia ini diletakkan di bawah pentadbiran cekap. Okay, maksudnya kita dah capai diamna kita dah letakkan majlis daerah machang ni dibawah aa pentadbiran majlis daerah machang di bawah peruntukan akta 171 ats kerajaan tempatan. Okay, yang ke *dua* [2] untuk meningkatkan taraf organisasi penguasa-penguasa tempatan yang ada sekarang ke taraf yang lebih baik. Organisasi. Yang ketiga adalah meningkatkan mutu perkhidmatan rakyat tempatan kepada orang ramai (“bunyi motor”) dalam erti kata yang memuaskan dan lebih meluas. Okay, menambah keupayaan dan membolehkan penguasa-penguasa tempatan membuat, mengatur, menyusun dan melaksanakan perancangan sesuai mengikut keperluan dan desakan. Ini salah satu akta 172 iaitu err seksyen *Sembilan belas* [19] tak silap saya *takde* [tiada] sesiap dibenarkan untuk membuat kebenaran machang tanpa kelulusan pihak penguasa tempatan. Okay, erm nombor *lima* [5] adalah mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat serta *available* [wujud] organisasi dan agensi pentadbiran pembangunan. Itulah.

**MAZ : Apakah jenis gambaran di logo Majlis Daerah Machang mempunyai maksud tertentu?**

PNM : Emm. Logo. Ermm logo ek, haa ada. Okay, dia ada keris tu *dua* [2] keris itu lambang kerajaan negeri Kelantan. Ada bendera majlis sendiri, bendera majlis, bendera jajahan machang. Ada lambang gapo (apa) kijang melambangkan jata negeri Kelantan. Ada *dua*

[2] kijang tu, lepastu kita letakkan tahun penubuan majlis daerah machang dan juga bentuk err bentuk jajahan machang. Aaa lepastu kita letakkan *satu* [1] bentuk bangunan diaman melambangkan pembangunan dan perindustrian di machang

**MAZ : Apakah peranan Majlis Daerah Machang dalam pembangunan yang ada di Machang?**

PNM : Hmm, macam tadi lah. Peranan dia adalah hmm luar tugas saya tu peranan dia adalah bertanggungjawab menyemak dan memproses permohonan pecah sempadan dan kawalaln pembangunan seperti serta pendirian bangunan bagi setiap permohonan dalam machang. okey, *next* [seterusnya]

**MAZ : Berapakah bilangan cawangan<sup>1</sup> Majlis Daerah yang terlibat di negeri Kelantan?**

PNM : Okay, Kelantan ini majlis daerah semua ada *dua belas* [12] cawangan tempatan tapi err *sebelas* [11] majlis daerah kerana *satu* [1] majlis perbandaran. Erm, ikut daerah lah tumpat, machang, pasir mas, kuala krai, dabong em apa lagi ek tanah merah, jeli, kota bhharu dan bachok em tu lah semua.

**MAZ : Bolehkah puan ceritakan tentang lokasi bangunan ini?**

PNM : Okay. Lokasi bagunan ni dia terletak dalam bandar machang, dalam mukim bandar machang diantara pejabat, dalam kawasan pejabat lah di daerah machang dan terletak di

sebelah klinik kesihatan machang dan juga pejabat kesihatan machang, eh pejabat kesihatan machang dan pejabat kebajikan majlis machang.

**MAZ : Pada pendapat puan, adakah lokasi bangunan Majlis Daerah Machang ini strategik bagi kemudahan penduduk Machang?**

PNM : Secara am nya saya rasa strategic lah sebab ia terletak di kawasan pentadbiran bangunan pentadbiran senanglah. So, nak *gi* [pergi] --(perkataan tidak jelas) dia pun dapat berdekatan dengan jalan utama *so* [jadi] senang lah bila dihubungkan dengan jalan utama untuk *access* [boleh guna] dengan teksi kenderaan persendirian pun senang.

**MAZ : adakah puan merasakan tapak penubuhan bangunan yang baru ini lebih strategik berbanding yang dlu? Nyatakan sebab-sebab tersebut.**

PNM : Okay.saya rasa yang ni lebih strategik dia tidak terikat dengan kawasan yang sesak, maksudnya dulu kita terletak di bangunan econjaya tu situ kawasan *traffic flow* [lalu lintas] memang *pack* [sibuk] jadi untuk parking pun susah *so* [jadi] bila kita terletak kat sini dia untuk *traffic flow* [lalu lintas] senang lah masuk dan juga parking pun senang untuk pengguna nak *mari* [datang]

**MAZ : Kenapa mesti memilih kawasan ini sebagai tempat bagi mendirikan bangunan Majlis Daerah Machang?**

PNM : Emm. Pendapat saya, macam mana saya nak sebut yea sebabnya kita kerajaan ni terikat dengan kalau nak ke tempat lain kita perlu lakukan pengambilan balik tanah, *procedure*



[langkah] yang sangat banyak lah *procedure* [langkah]. Jadi, bangunan ni kita pinjam daripada pejabat tanah dan *procedure* [langkah] sangat senang la untuk kita berbincang perpindahan tu dan juga lokasi dia ni memang dalam bandar senang dihubung kepada semua penduduk lah untuk datang.

**MAZ : Apakah kawasan lain tidak sesuai untuk mendirikan bangunan Majlis Daerah Machang?**

PNM : Em bukan tak sesuai. Sesuai, tapi memerlukan kos dan juga *procedure* [peraturan] yang banyak dengan majlis sebab kalau kita nak buat tempat lain, kos lagi kos tanah, kos *construction* [pembinaan] semualah tu diambil sekali.

**MAZ : Apakah bangunan asal sebelum Majlis Daerah Machang diiktiraf di sini?**

PNM : Em bangunan pejabat tanah jajahan machang.

**MAZ : apakah perbezaan bangunan majlis daerah machang yang lama dan yang telah diubahsuai?**

PNM : Maksudnya macam mana ye tentang menerangkan soalan “macam bangunan yang dulu lepastu dengan yang sekarang ni kan”. Ha ah. Okay, yang dulu dia macam bangunan terbuka macam tu *so* [jadi] dia tiada pagar dia *open* [terbuka] *direct* [langsung] okay kalau yang ni kita dah ada pagar ada sistem *guard* [pengawal] sistem *parking* [letak

kereta], *traffic flow* [lalu lintas] yang okay. Lepas tu bangunan pun lagi selesa lagi besar sebab dia ada *dua* [2] blok dulu dia ada *satu* [1] blok sahaja.

**MAZ : bilakah tahun pengubahsuaian bangunan majlis daerah machang dilakukan?**

PNM : Saya tak pasti tapi saya dimaklumkan dalam tahun 2008 ke 2007 macam tu lah, saya tak pasti yang tu, saya kena *check* [semak] yang tu sebab datang-datang memang kat sini dah dan dimaklumkan sekitar tahun 2007/2008 baru di pindah sini.

**MAZ : Apakah kegunaan atau fungsi bangunan ini sebelum tahun 1957 (merdeka)?**

PNM : Okay. Tahun semasa merdeka tak silap saya memang jabatan pejabat tanah dah.

**MAZ : Bagaimanakah tertubuhnya Majlis Daerah Machang ini pada peringkat awal?**

PNM : Macam saya jawab tadi lah, hasil gabungan dari *tiga* [3] kerajaan tempatan iaitu kerajaan tempatan pulau chondong, temangan dan juga lembaga bandar raya machang lah dibawah akta 171.

**MAZ : Apakah sebab-sebab Majlis Daerah Machang ditubuhkan?**

PNM : Em dia ditubuhkan tiada sebab tapi dia macam mana eh untuk mentadbir satu rakyat tempatan tu perlu dibentuk kerajaan tempatan sebabnya apa ni majlis daerah satu kerajaan tempatan *so* [jadi] kita dibentuk di bawah akta (puan izawaty gelak)

**MAZ : Bilakah bangunan Majlis Daerah Machang ini mula beroperasi penuh?**

PNM : Saya tak pasti. Bangunan ni? Di bawah bangunan majlis daerah machang tu dalam tak silap saya dalam 2008/2007 macam tu lah sebab dia dalam lingkungan 2007/2008.

**MAZ : Apakah bahagian –bahagian atau jabatan terlibat dan fungsi-fungsi Majlis Daerah Machang?**

PNM : Okay. Macam mana? Maizatul noratisa mengulangi soalan yang diajukan sebentar tadi. Okay bahagian yang terlibat kita ada *sebelas* [11] iaitu bahagian pentadbiran sumber manusia, bahagian penguatkuasaan, bahagian pusat serenti, bahagian teknologi maklumat, bahagian perbendaharaan, bahagian penilaian pengurusan harta, jawatan pengurusan bandar, bahagian pembangunan, bahagian perlesenan, bangunan kejuruteraan, bahagian perhubungan awam dan bahagian perundangan.

**MAZ : Apakah terdapat perbezaan untuk kegunaan atau fungsi bangunan ini sekarang?**

PNM : Em *takde* [tiada] sama sahaja. Dahulu bangunan ini dibina operasi oleh pejabat tanah sekarang ia dibina oleh pejabat majlis daerah machang, mestilah kita *renovate*

[mengubahsuai] sebagai pengurus majlis. So [jadi] ada perbezaan lah dekat situ. Kita based on operation kita lah sebab dulu pejabat tanah dia punya operasi lain dia tidak sama.

**MAZ : Pada pandangan atau pendapat puan, mengapakah fungsi kegunaannya berubah atau tidak berubah?**

PNM : Macam yang saya jawab tadi (puan izawaty ketawa).

**MAZ : Berapakah bilangan pekerja atau staff yang berkhidmat di Majlis Daerah Machang pada peringkat awal?**

PNM : Pada peringkat awal saya tak pasti sebab tiada semua dah yang berkhidmat dulu. Tapi saya tahu sekarang 121 orang *staff* [kakitangan].

**MAZ : Pada pendapat puan, apakah masyarakat belum mengenali sepenuhnya apakah itu Majlis Daerah Machang?**

PNM : Saya rasa orang dah kenal majlis daerah machang Cuma orang tak kenal peranan majlis daerah machang.

**MAZ : Apakah yang masyarakat perolehi daripada tertubuhnya Majlis Daerah Machang?**

PNM : Okay. Dia banyak dari segi pengurusan sampah, pengurusan lesen, kesihatan awam, kemudahan awam, penubuhan *infrastruktur* [pembangunan], menghubungkan jalan semua lah apa yang penduduk masuk daripada jajahan machang tu semua nya milik daerah machang. Sapu jalan, semua lah.

**MAZ : Apakah bangunan sejarah ini akan tetap teguh dan kekal lama?**

PNM : Okay. *Insha allah* [dengan izin daripada-Nya] selagi dia masih selamat untuk diduduki akan kekal lah sebab bangunan ni dia ada tarikh luput kalau masih disahkan selamat akan ada lah. *So* [jadi], kalau *takde* [tiada] kita akan *preserve* [pelihara] bangunan ni sebab kita ada *conservation* [pemuliharaan] punya ni kan akta tu, *so* [jadi] kena *preserve* [pelihara] lah.

#### **BAHAGIAN D: REKA BENTUK BANGUNAN**

**MNMN: Apakah konsep bangunan ini?**

PNM : Konsep saya tak pasti. Sebab aa saya tak boleh cakap sebab bangunan lama aa sebab ini diluar bidang saya pun - - sebab ni lebih kepada *architecture* [seni bina] punya bidang ni. Setahu saya konsep ini sebab konsep ini sama je dengan mana-mana jajahan

di Kelantan ni - - bangunan-bangunan lama pentadbiran akan guna bangunan macam ni - design macam ni. Saya tak tahu konsep apa sebenarnya.

**MNMN: Apakah pembinaan bangunan ini menepati kehendak perancangan awal Majlis**

**Daerah Machang?**

PNM : Aa pembinaan bangunan ini untuk jangka masa semasa ye lah menepati sebab tu kita duduk sini. Cumanya kita taktahu *in future* [pada masa depan] lagi lah macam mana untuk menampung kedudukan staf dan juga menampung semua spekulasi masa - dia masih menepati kehendak kita lagi lah.

**MNMN: Siapakah pihak atau agensi yang bertanggungjawab dalam memelihara tinggalan bangunan ini?**

PNM : Majlis ini. (menyemak helaian kertas)

**MNMN : Pada pendapat Puan sendiri, apakah faktor yang menyebabkan pengubahsuaian pada bangunan?**

PNM : *Okay* [Baiklah]. Faktor pada pengubahsuaian bangunan ini dia dari segi keperluan semasa lah - macam dalaman kita dari segi aa pembesaran staff. Kita terpaksa besarkan ruang dalaman. Lepastu, keperluan-keperluan semasa bilik mesyuarat. Keperluan yang

macam unit-unit dibuka unit-unit baru dibuka. Lepastu [Selepas itu], keperluan kepada keperluan aa apa ni kaunter semua tu lah - dan keperluan semasa dari segi kehendak aa apa ni universal design [reka bentuk sejagat] punya building [bangunan]. Maksudnya keperluan OKU [Orang Kurang Upaya] aa semua tu lah.

**MNMN : Pada pendapat Puan, apakah bahan binaan utama untuk bangunan ini?**

PNM : Saya tak pasti dia *standard* [piawai] lah *structure* [struktur] biasa lah batu macam tu lah simen tu kot. Sebab tu *more* [lebih] kepada teknikal punya skop ni.

**MNMN: Jika Puan tahu, bolehkah berkongsi dengan kami anggaran kos keseluruhan dalam pembinaan bangunan ini?**

PNM : - Tak tahu sebab dia kos lama. Kalau kos lama saya tak tahu. Anggaran saya anggaran saya kalau kos pada masa tu sekarang kalau bangunan macam ni *jap eh* [sekejap ya] kalau anggaran saya lama bangunan macam ni dalam *tiga* [3] *empat* [4] juta (ketawa). Sebab okay aa dia untuk buat bangunan ini kita kena fikirkan kos tanah okay *so* [jadi] *construction* [pembinaan] *cost* [kos] aa *so* [jadi] *material* [bahan] *cost* [kos] semua lah kena kira *everything* [semuanya]. - - Sebab tu kalau awak buat rumah sebiji pun dah *dua* [2] *tiga* [3] *ratus* ribu ni bangunan rumah bangunan ni kena ada *structure* [struktur] *dua* [2] tingkat semua kan itu yang *dua tiga* [2-3] ratus ribu tu rumah setingkat sahaja. Kalau rumah *dua* [2] tingkat dia akan jadi macam lain *pulak* [pula]. Infra infra [infrastruktur] kos semakin bertambah *so* [jadi] tu kos akan naik. *Let's say* [katakan] dalam 3 [tiga] – 4 [empat] juta tu tu kos biasa untuk masa ni haa - -Untuk zaman dulu

*muroh* [murah]. *Construction* [pembinaan] *cost* [kos] *muroh* [murah] bahan binaan pun *muroh* [murah] mungkin dalam tak sampai *enam* [6] ratus ratus ribu je masa dulu. Aa gitu je lah saya boleh cakap.

**MNMN: Berapakah keluasan bangunan ini dan ia mempunyai berapa tingkat?**

PNM : Keluasan bangunan ini dalam *satu* [1] ekar aa ada *dua* [2] tingkat. *Dua* [2] blok, *dua* [2] tingkat.

**MNMN: Berapakah anggaran ketinggian bangunan Majlis Daerah Machang?**

PNM : Ketinggian bangunan *jap* [sekejap]. 7 [tujuh] meter.

**MNMN: Berapa bilik dan bahagian yang ada dalam bangunan Majlis Daerah Machang?**

PNM : Bilik? Tak kira pulak saya. *Jap* [sekejap] eh saya kira. (ketawa). Bilik ni banyak. *Okay* [Baiklah] bilik setiap ketua unit setiap unit ada 3 [tiga], 4 [empat], 8 [lapan], 10 [sepuluh], 11 [sebelas], 12 [dua belas]. Ada 12 [dua belas] bilik ketua unit dan aa ada 12 [dua belas] bilik dan ada 11 [sebelas] unit. Unit ... *Compartment* [bahagian] masing-masing lah aa.

**MNMN: Apakah jenis keselamatan yang digunakan di bangunan ini?**

